

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Kerajaan lulus 99 projek inovasi

Babit kos RM5.6 bilion bawah RMK-12, Malaysia perlu jadi negara digital

Kerajaan lulus 99 projek inovasi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR - Kerajaan meluluskan sebanyak 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D dan C&D) dengan kos berjumlah RM5.6 bilion bagi sektor inovasi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, projek dan program tersebut adalah untuk tempoh 2021 hingga 2022 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menurutnya, Malaysia perlu terus berubah dan berinovasi ke arah negara digital yang makmur dan berdaya tahan melalui pendigitalan, terima guna teknologi dan inovasi.

"Justeru, dalam aspek pengkomersialan sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah perbelanjaan R&D perlu menjurus kepada penyelidikan pembangunan eksperimental.

"Selain itu, melahirkan lebih ramai pencipta teknologi serta usahawan teknologi tempatan bagi menjana kekayaan dan pertumbuhan ekonomi," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC),



ISMAIL SABRI (kanan) melakukan gimik perasmian Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di MITEC, Kuala Lumpur semalam. - FARIZ RUSADIO

dangan Inovasi Malaysia 2022 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC),

di sini semalam.

Beliau berkata, pada 2025, peratusan perbelanjaan kasar R&D

(atau GERD) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dijangka mencapai 25 pe-

ratus, berbanding 104 peratus pada 2018.

"Bagi tujuan ini, sumbangan sektor swasta disasarkan mencapai 70 peratus daripada jumlah perbelanjaan R&D dengan sumber pembiayaan alternatif termasuk modal teroka, pembiayaan antara-bangsa dan dana endowment juga dipertingkatkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau percaya terdapat cabaran berkaitan inovasi perlu ditangani Keluarga Malaysia sebelum negara mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"Ia termasuk pelaburan sektor awam dan swasta yang rendah dalam R&D dan C&I berbanding dengan negara-negara maju.

"Landskap R&D dan C&I Malaysia juga berbeza kerana hampir 80 peratus penyelidik pada 2018 berada di institusi pengajian tinggi, manakala 974 peratus usahawan daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)," katanya.

Tambahnya, daripada kira-kira 5,435 syarikat pemula (start-ups) dari 2010 hingga 2020, hanya lima peratus syarikat pemula adalah berasaskan teknologi.